



## 'Michael Jackson' di PTS 10 hari lagi

GEORGETOWN – Bagi yang tidak pernah melihat kelincuhan Michael Jackson bolehlah mengambil peluang melihat 'kembarannya' di Karnival Ivorycares pada 15 November ini bertempat di Penang Times Square.

Komunikasi Korporat Ivory Properties Group, D'Yani Ramoo berkata, 'Michael Jackson' akan membuat persembahan untuk menghiburkan penonton sepanjang hari semasa karnival.

Menurutnya, selain persembahan berkenaan, orang ramai juga akan dihiburkan dengan persembahan silap mata, kumpulan nyanyian, dan pelbagai aktiviti menarik.

"Acara yang dianjurkan sejak 2007 ini bermula daripada jam 10

pagi sehingga jam 3 petang.

"Orang ramai boleh datang pada bila-bila masa sahaja untuk melihat pelbagai persembahan dan barangan serta makanan yang enak dijual 50 penjaja dari Pulau Pinang dan Seberang Perai," katanya pada sidang media bertempat di Penang Times Square (PTS).

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Karnival Ivorycares 2009 dianjurkan Persatuan Kebajikan Ivory Pulau Pinang yang merupakan salah satu kumpulan dalam Ivory Properties Group.

Kumpulan yang telah ditubuhkan sejak tahun 2006 itu sering mengadakan aktiviti kebajikan

bersama masyarakat Pulau Pinang.

D'Yani berkata, matlamat pengajuran karnival pada tahun ini adalah untuk mengutip 50 peratus hasil kutipan tiket karnival kepada golongan miskin tegar dan 50 peratus lagi akan disalurkan kepada projek amal Ivorycares.

"Kanak-kanak yang datang berpeluang bermain dengan badut dan mereka boleh menyertai pelbagai aktiviti seni antaranya seni pasir, membuat kek mufin, dan banyak lagi.

"Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau tiket, orang ramai yang berminat bolehlah mengunjungi kaunter informasi PTS di Jalan Dato' Keramat atau menghubungi 04-2108000," katanya.



● Boon Poh (tiga, kanan) bersama D'Yani (empat, kiri) ketika melancarkan Karnival Ivorycares di Penang Times Square.